

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

PGT 302 - Seminar Isu - Isu Pendidikan Semasa

Masa: [2 Jam]

RAHAN: Jawab mana-mana TIGA soalan sahaja. Setiap soalan mempunyai nilai markah yang sama.

Pilih SATU 'inovasi pendidikan' yang menimbulkan banyak isu dan yang hangat diperkatakan baru-baru ini di negara kita. Untuk inovasi pendidikan yang anda pilih itu jawab perkara-perkara berikut:

- a) Apakah inovasi itu? Jelaskan bentuk dan coraknya.
- b) Mengapakah inovasi itu menimbulkan isu?
- c) Bagaimanakah anda akan menangani isu-isu yang timbul itu sekiranya anda diberi tanggungjawab?

Anda telah diamanahkan oleh sekolah anda untuk menyediakan sebuah kertas kerja mengenai SATU daripada program-program berikut untuk dibincangkan dalam mesyuarat guru.

- a) Program Sekolah Penyayang
- b) Kemahiran Berfikir di kalangan Guru
- c) Pendidikan Alam Sekitar

Sila tulis dengan ringkas contoh kertas kerja program yang anda pilih itu. Nyatakan isu-isu yang anda jangkakan akan timbul dan bagaimana ia boleh ditangani.

...2/-

3. Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan peratusan pelajar aliran sains kepada 60% telah menimbulkan minat pelbagai pihak terhadap isu-isu berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Sains dan Matematik. Bincangkan isu-isu yang dibangkitkan itu dan pada pendapat anda apakah tindakan yang wajar diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mencapai matlamat dasar tersebut.
4. Pada pandangan anda adakah faktor-faktor global atau faktor-faktor sekolah yang lebih menyumbang kepada isu gejala sosial di kalangan remaja di negara ini. Beri ulasan anda secara kritis.
5. Walaupun peluang pendidikan tinggi di negara Malaysia semakin bertambah melalui usaha pihak kerajaan dan swasta, sifat 'elitis' nya masih belum dapat dikikis. Bahaskan pendapat ini dengan memberi contoh-contoh untuk menyokong hujjah anda.